

FASAL PERTAMA
PENDAHULUAN

FASAL PERTAMA : PENDAHULUAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Tajuk kajian ini ialah Pra-perbicaraan Kesalahan Jenayah: Tinjauan Perbandingan dari Kanun Prosedur Jenayah dan Perspektif Islam.

Proses pra-perbicaraan sebenarnya merupakan tajuk yang luas meliputi pelbagai aspek. Pun begitu dalam kesempatan kajian ini, rujukan hanya dibuat kepada empat aspek sahaja. Iaitu aspek aduan dan maklumat mengenai kesalahan jenayah. Aspek penyiasatan terhadap orang yang tertuduh dan saksi. Aspek tahanan pra-bicara terhadap orang yang tertuduh dan aspek jaminan terhadapnya.

Proses pra-perbicaraan juga merupakan antara period yang paling penting dan rumit di dalam pentadbiran keadilan jenayah. Ini kerana ia merupakan pencabulan hak kebebasan individu sedangkan ia belum dibuktikan bersaiah. Ia juga menjadi bahan tarik tali di antara hak kebebasan individu dan hak pemerintah.

Sebagai contohnya ialah dengan membenarkan pegawai

polis menahan seseorang yang disyaki melakukan kesalahan jenayah, walaupun tanpa menerima aduan atau makiumat tersebut dari orangramai₁. Penahanan tersebut sudah tentu merupakan sekatan kepada individu tersebut sedangkan belum sabit kesalahannya.

Oleh itu bagi memelihara hak kebebasan individu undang-undang tidak membenarkan pelucutan hak kebebasan diri melainkan mengikut undang-undang₂.

Orang yang tertuduh pula berhak mengetahui sebab penahanannya dan dibenarkan berunding dengan pengamal undang-undang yang dipilihnya₃.

Saksi-saksi dan orang yang kemudiannya menjadi orang yang tertuduh pula dikehendaki menjawab segala soalan semasa soalsiasat polis. Tetapi dia berhak membisu jika jawapan yang diberikannya boleh mendedahkannya kepada tuduhan jenayah atau penalti atau pelucutan hak₄.

Begitu juga mengikut acara jenayah Islam, Qādi boleh menahan seseorang yang dituduh bagi menjalankan soalsiasat keatasnya. Pun begitu disyaratkan pihak pendakwa hendaklah mengemukakan bukti yang kuat₅.

Dalam hal ini Allah s.w.t. telah mengaitkan kuasa pemerintah dan mereka yang telah diberikan kuasa sebagai amanah. sebagaimana firmanNYA :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدِوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا
وَلَا تَحْكُمُ بَيْنَ النَّاسِ إِنْ تَحْكُمُ بِالْعَدْلِ

Maksudnya, Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyempurnakan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menjatuhkan hukuman hendaklah dengan adil⁶.

Kewajipan berlaku adil tidak terkecuali walaupun terhadap orang yang dibenci. Ini berdasarkan firmanNYA:

وَلَا يَجْرِمْنَكُمْ شَنَآنَ قَوْمٍ عَلَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا
أَعْدَلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوِيَّةِ

Maksudnya, Janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kaimu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana itu lebih dekat kepada taqwa.

Oleh itu setiap individu yang telah diberikan kuasa mestilah berlaku adil terhadap orang yang dijalankan kuasa tersebut. Terutamanya Qādi atau Ḥakim. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. telah bersabda mengenai jawatan Qādi, sebagaimana sabda baginda:

عَنْ بَرِيدَةِ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْقِضَاءِ ثَلَاثَةٌ:
أَثْنَانٌ فِي النَّارِ وَوَاحِدٌ فِي الْجَنَّةِ. رَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَقْضَى بِهِ هُوَ فِي
الْجَنَّةِ. وَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَلَمْ يَقْضِ بِهِ وَجَارٌ فِي الْحُكْمِ هُوَ فِي النَّارِ.
وَرَجُلٌ لَمْ يَعْرِفْ الْحَقَّ فَقْضَى النَّاسَ عَلَىٰ جَلْهُ فِي النَّارِ.

Maksudnya. Dari Buraidah r.a. beliau berkata, Rasuiullah telah bersabda, Qādi terdiri dari tiga gologan. Dua darinya di dalam neraka, dan seorang lagi di syurga. (Iaitu) Lelaki yang mengetahui kebenaran dan menghukum berdasarkannya, ia di dalam syurga manakala lelaki yang mengetahui kebenaran tetapi tidak menghukum dengannya serta melampaui dalam hukumannya dia di dalam neraka. Dan lelaki yang tidak mengetahui kebenaran lalu dia menghukum dengan kejahilannya dia di dalam neraka.

8

Sementara itu Saidina Ali r.a. pernah berkata :

فَقْد جَعَلَ اللَّهُ لِي عَلَيْكُمْ حَقًا بِوَلَايَةِ أَمْرِكُمْ
وَلَكُمْ عَلَى مِنْ الْحَقِّ مِثْلُ الذِّي عَلَيْكُمْ .

Maksudnya, Sesungguhnya Allah telah menetapkan nāk saya terhadap kamu dengan menjaga urusan kamu dan menetapkan kewajipan kamu terhadap saya setimpal dengan hak kamu itu.

Kesimpulannya seseorang Qādi dan mereka yang telah

diberikan kuasa hendaklah berlaku adil. Ini kerana kuasa tersebut adalah amanah dan tanggungjawab. Mereka juga seberapa boleh hendaklah cenderung untuk memberi maaf dari menjatuhkan hukuman tanpa bukti yang kuat.

Ini berdasarkan semangat Hadith Rasuiullah s.a.w.:

لَا يَخْطُلُ الْأَمَامُ فِي الْعَفْوِ خَيْرٌ مِّنْ أَنْ يَخْطُلُ فِي الْحُكْمِ

baik

Maksudnya, Adalah lebih jika seorang pemerintah membuat silap dengan memberi maaf dari membuat silap dengan mengenakan hukuman.¹⁰

Apa yang perlu disedar ialah bahawa pentadbiran

acara jenayah Islam di mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia hingga ke hari ini, nampaknya masih "menumpang bertenggek" di bawah undang-undang acara jenayah di mahkamah-mahkamah awam¹¹. Ini menunjukkan seolah-olah para cendikiawan Islam tidak pernah mengenali tentang sistem pentadbiran jenayah sebelum ini. Sedangkan penulisan-penulisan para fuqaha Islam mengenainya telah dilakukan lebih awal dari itu.

1.2 Bidang Kajian

Kajian ini ialah kajian perbandingan di antara peruntukan Kanun Prosedur Jenayah dan pandangan para fuqaha Islam yang dipetik dari penulisan-penulisan mereka.

Mengapa pengkaji memilih Kanun Prosedur Jenayah ? Ini berdasarkan peruntukan seksyen 3 kanun tersebut yang berbunyi :

"Semua kesalahan di bawah Kanun Kesiksaan itu hendaklah disiasat dan dibicarakan mengikut peruntukan yang terkandung kemudian dari ini, dan semua kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lain hendaklah dibuat siasatan dan dibicarakan mengikut peruntukan yang sama juga tetapi tertakluk kepada sebarang undang-undang am yang sedang berkuatkuasa yang mengaturkan cara dan tempat bagi siasatan atau perbicaraan terhadap kesalahan itu"¹².

Hal ini juga disebabkan pentadbiran keadilan jenayah di Malaysia kebanyakannya merujuk kepada peruntukan Kanun Prosedur Jenayah¹³.

Manakala pandangan para fuqahā Islam telah dipetik dari penulisan-penulisan mereka samada bersifat penulisan silam atau semasa yang diambil dari berbagai mazhab.

Untuk itu pengkaji telah merujuk kepada penulisan oleh para fuqahā silam seperti Abu Bakar Al Khassaf dari mazhab Ḥanafi yang meninggal dunia tahun 261 Hijrah = 847 Masihi di dalam bukunya Kitab Adab Al Qādī. Al Māwardi dari mazhab Shafei yang meninggal dunia tahun 450 Hijrah dari bukunya Kitab Al Ahkām Al Sultāniyyah. Al Kāṣānī dari mazhab Ḥanafi yang meninggal dunia tahun 587 Hijrah. Ibn Qudāmah dari mazhab Ḥambali yang meninggal dunia tahun 630 Hijrah dari bukunya Al Muğnī. Ibn Abi Al Ddam dari mazhab Shafei yang meninggal dunia tahun 642 Hijrah menerusi bukunya Kitab Adab Al Qadā'. Ibn Qayyim Al Jauziyyah dari mazhab Ḥambali di dalam bukunya Al Turuq Al-Hukmiyyah yang meninggal dunia tahun 751 Hijrah. Al Shaukānī di dalam bukunya Nail Al Auṭār dari mazhab Zaidi yang meninggal dunia tahun 1255 Hijrah. Juga beberapa penulisan yang lain.

Rujukan juga telah dibuat kepada penulisan para fuqaha Islam semasa, seperti penulisan oleh Dr. 'Abdul Al Karim Zaidān, Dr. Wahbah Zuhaili, Al Sayyid Sabiq dan Ahmad Fathi Bahnsasi.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan melihat perbandingan di antara peruntukan Kanun Prosedur Jenayah di Malaysia dan pandangan para fuqahā Islam mengenai proses pra-perbicaraan. Khususnya mengenai aspek aduan dan maklumat tentang kesalahan jenayah, penyiasatan saksi dan tertuduh, tahanan tertuduh dan jaminan terhadapnya.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengutarakan dan menyedarkan tentang kewujudan sistem pentadbiran keadilan jenayah Islam yang mana telah pun dipraktikkan sejak dahulu lagi.

1.4 Metodologi Kajian

Kajian ini ialah kajian perpustakaan (library research). Untuk tujuan itu pengkaji telah membuat

rujukan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya dan Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur.

1.5 Masalah Kajian

Masalah utama kajian ini ialah terjemahan. Di mana pengkaji menghadapi kesukaran untuk memberikan terjemahan yang paling tepat bagi maksud kajian ini. Hal ini kerana sumber-sumber mengenai undang-undang acara jenayah di Malaysia kebanyakannya di dalam Bahasa Inggeris. Manakala penulisan para fuqaha pula dibuat di dalam Bahasa Arab.

Kajian ini juga menghadapi masalah kekurangan bahan rujukan bagi pentadbiran jenayah di Malaysia. Malah hal ini telah diakui oleh bekas Ketua Hakim Negara Tun Dato' Hj Mohamed Salleh Abas di dalam kata-kata aluan buku Criminal Procedure in Malaysia oleh Mimi Kamariah Majid. Di mana beliau menyebut:

To my knowledge other than Malial's Criminal Procedure Code there is no other on Malaysian criminal law and procedure which is as comprehensive as this book ever written by anyone. Legal practitioners are busy with the affairs of their clients and court work while academics are also busy with their teaching and tutorials.

Hal ini lebih menyulitkan kerana pengkaji belum pernah mengambil matapelajaran Undang-undang Acara Jenayah.

NOTA KAKI FASAL PERTAMA

- 1 seksyen 110 KANUN PROSEDUR JENAYAH.
- 2 perkara 5(1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.
- 3 perkara 5(3) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.
- 4 seksyen 112(ii) KANUN PROSEDUR JENAYAH.
- 5 Ibn Qudāmah, Al Mughnī, juzuk 9, (Riyād: Maktabah Riyād Al Ḥadīthah, 1981), m.s 225.
- 6 surah Al Nnīsā‘, ayat 58.
- 7 surah Al Ma‘idah, ayat 8.
- 8 Muḥammad Ibn Ismā‘il Al Ṣan‘āni, Subul Al Salām, juzuk 3, (Kaherah: Maktabah Atif, t.t.), m.s 1456.
- 9 Taufiq Al Fukaiki, Al Rā‘i wa Al Ra‘iyyah, cetakan 3 (Beirut: Muassasah Al Wafā‘, 1983), m.s 5.
- 10 Al Sayyid Sabiq, Fiqh Al Sunnah, juzuk 3, (Kaherah: Darul Al Ḥadīth, 1972), m.s 353, 354.

10

11

lihat PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN Jadual 9 (perkara 74, 77). Senarai 14(a) dan perkara 95B(1) dan senarai III. lihat juga Abdullah Abu Bakar, "Kearah Pengkanunnan Acara Jenayah Islam", Makalah Undang-undang Menghormati Ahmad Ibrahim. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), m.s 54.

12

seksyen 3 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

13

Mimi Kamariah Majid, Criminal Procedure in Malaysia, (Kuala Lumpur: Department of Publications Universiti of Malaya, 1987), m.s 1.

14

dipetik dari Mimi Kamariah Majid, ibid. m.s xi.